



**PELANCARAN PROGRAM TRANSFORMASI SOSIAL (PTS) STRATEGI LAUTAN BIRU
KEBANGSAAN (NBOS) KEJIRANAN INDAH DAN PERASMIAN PROJEK
PERUMAHAN RAKYAT (PPR) DENGKIL**



YBM Tan Sri Haji Noh Bin Haji Omar, Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyempurnakan Pelancaran Program Transformasi Sosial (PTS) Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) Kejiranan Indah dan Perasmian Projek Perumahan Rakyat (PPR) Dengkil, Selangor pada 15 April 2018 yang lalu.

PTS dilaksanakan dengan kolaborasi Jabatan-Jabatan di bawah KPKT dan agensi di Kementerian lain. Antaranya Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), PlanMalaysia, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), *Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation* (SWCorp), Jabatan Landskap Negara (JLN), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) serta Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri.

Program Transformasi Sosial (PTS) yang antaranya bertujuan mewujudkan kejiranan indah yang mampan dengan penglibatan masyarakat setempat merangkumi program-program berikut :

- I. **Program MyBOMBA JPP / Bomba Komuniti** untuk memupuk kesedaran keselamatan kebakaran dan sebagai penyampai maklumat kecemasan kepada JBPM.
- II. **Program Bandar Selamat** untuk mengurangkan jenayah melalui aktiviti *omnipresence* dan rondaan keselamatan oleh PDRM dan AMANITA.
- III. Program ***Communication for Behavioural Impact (COMBI)*** atau **Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku** penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti pencegahan penyakit berjangkit khususnya demam denggi.
- IV. **Komuniti Kitar Semula** (*reduce, reuse dan recycle*).
- V. **Program Rakan Taman.**



Bagi projek PPR Dengkil, Kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM78 juta bagi pembinaan 400 unit rumah pangsa termasuk kemudahan seperti surau, dewan komuniti, tadika dan taska serta kedai dan gerai. Kos bagi membina satu unit rumah PPR ini adalah sebanyak RM195,000.00 dan akan dijual hanya dengan harga RM35,000.00 iaitu dengan subsidi sebanyak RM160,000.00 per unit khas untuk rakyat Dengkil.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat